

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 26 November 2021**



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN**  
**SUKU TAHUN KEEMPAT 2021**

---

**Sentimen positif terhadap situasi perniagaan untuk enam bulan akan datang berikutan kelonggaran sekatan ekonomi dengan petunjuk keyakinan sebanyak -0.3 peratus berbanding -21.3 peratus pada suku sebelumnya**

**PUTRAJAYA, 26 NOVEMBER 2021 – STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN BAGI SUKU TAHUN KEEMPAT 2021** yang diterbitkan pada hari ini, memaparkan jangkaan prestasi perniagaan bagi suku tahun dan enam bulan yang akan datang. Statistik ini adalah berdasarkan Survei Kecenderungan Perniagaan yang dijalankan secara suku tahunan.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Peniaga semakin yakin menjelang suku tahun keempat 2021 dengan merekodkan petunjuk keyakinan -0.3 peratus berbanding -21.3 peratus suku tahun sebelumnya. Sentimen ini bertambah baik berikutan kelonggaran sekatan ekonomi pada pertengahan Oktober 2021.”

“Survei ini menunjukkan bahawa, kesemua sektor menjangkakan prospek perniagaan yang lebih baik dengan sektor Industri dan Perdagangan Borong &

Runcit melonjak ke trajektori positif. Sektor Industri meramalkan pandangan positif iaitu +3.6 peratus pada suku tahun rujukan berbanding -11.0 peratus pada suku tahun yang lalu. Petunjuk keyakinan bagi sektor Perdagangan Borong & Runcit turut meningkat pada suku tahun keempat 2021 kepada +3.3 peratus daripada -39.4 peratus. Sementara itu, sektor Perkhidmatan dan Pembinaan menjangkakan prestasi perniagaan yang bertambah baik, walaupun berada di trajektori negatif. Petunjuk keyakinan bagi sektor Perkhidmatan berada di negatif yang lebih baik dengan -1.3 peratus berbanding -22.8 peratus pada suku tahun sebelumnya. Manakala, sektor Pembinaan mencatatkan petunjuk keyakinan negatif yang lebih kecil iaitu -40.4 peratus berbanding -45.0 peratus pada suku tahun lalu," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sejumlah 48.2 peratus daripada responden meliputi semua sektor meramalkan hasil kasar mereka meningkat, manakala 14.6 peratus responden menjangkakan hasil kasar mereka akan menurun. Perbezaan tersebut mendorong kepadaimbangan bersih +33.5 peratus. Pada masa yang sama, 37.2 peratus responden meramalkan hasil kasar mereka tidak berubah. Melihat kepada trend pekerjaan, sejumlah +5.1 peratusimbangan bersih dicatatkan bagi suku tahun keempat 2021, meningkat daripada -6.5 peratus pada suku tahun sebelumnya. Imbangansbersih berkenaan didorong oleh 15.9 peratus pertubuhan yang merancang untuk menggaji lebih ramai pekerja, manakala 10.9 peratus pertubuhan meramalkan pengurangan pekerja.

Merujuk kepada tinjauan perniagaan bagi enam bulan mendatang, keyakinan oleh sektor Industri, Perniagaan Borong & Runcit dan Perkhidmatan merangsangimbangan bersih keseluruhan untuk merekodkan +24.1 peratus bagi tempoh Oktober 2021 hingga Mac 2022 berbanding -21.7 peratus direkodkan sebelum ini. Sektor Industri meramalkan keadaan perniagaan yang kukuh denganimbangan bersih +24.5 peratus bagi tempoh yang sama berbanding -11.8 peratus direkodkanuntuk tempoh Julai hingga Disember 2021. Sektor Perdagangan Borong dan Runcit terutamanya optimistik terhadap situasi perniagaan untuk enam bulan ke hadapan dengan lonjakanimbangan bersih kepada +35.1 peratus daripada -59.7 peratus dicatatkan sebelumnya. Secara khusus, kedua-dua subsektor Perdagangan Borong dan Perdagangan Runcit melonjak ke trajektori positif. Pada

masa yang sama, sektor Perkhidmatan menjangkakan pandangan perniagaan yang positif dengan +24.3 peratus untuk enam bulan akan datang berbanding -14.2 peratus. Ianya dicerminkan terutamanya oleh semua subsektor di bawah sektor Perkhidmatan mencatatkan imbalan bersih positif kecuali subsektor Hartanah dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Sebaliknya, sektor Pembinaan kekal dalam zon pesimis dengan imbalan bersih lebih baik iaitu -18.4 peratus.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan mengisi borang soal selidik bancian, sila hubungi DOSM di talian 1-800-88-7720 untuk maklumat lanjut. Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Survei Penilaian Liputan Banci (SPLB) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**


**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**26 NOVEMBER 2021**

**Carta 1: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, 2018 - 2021**



**Carta 2: Imbangan bersih jangkaan prestasi perniagaan bagi enam bulan akan dating mengikut sektor, Malaysia, 2018 – 2021**



**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, November 26<sup>th</sup> 2021**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
BUSINESS TENDENCY STATISTICS  
FOURTH QUARTER 2021**

---

**Positive sentiment on the business situation for the next six months following relaxation on economic restrictions with a confidence indicator of -0.3 per cent compared to -21.3 per cent in the previous quarter**

**PUTRAJAYA, NOVEMBER 26, 2021 – BUSINESS TENDENCY STATISTICS FOR FOURTH QUARTER 2021** released today, presents expectations on business performance for the upcoming quarter and six months ahead. The statistics is based on the Business Tendency Survey which is conducted on a quarterly basis.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, “Businesses gain confidence towards fourth quarter 2021 with confidence indicator of -0.3 per cent as against -21.3 per cent in the previous quarter. The sentiment improves following the ease on economic restrictions in the midst of October 2021. ”

“The survey showed that, all sectors expect better business prospects with Industry and Wholesale & Retail Trade sectors rebound to positive trajectory. Industry sector predicts positive outlook at +3.6 per cent in the reference quarter as against -11.0 per cent in the last quarter. Confidence indicator for the Wholesale & Retail Trade sector also rose in the fourth quarter of 2021 to +3.3 per cent from -39.4 per cent. Meanwhile, Services and Construction sectors anticipate an improved

business performance, albeit at negative trajectory. The confidence indicator for Services sector stood at better negative with -1.3 per cent against -22.8 per cent in the preceding quarter. While, the Construction sector recorded a smaller negative with confidence indicator of -40.4 per cent compared to -45.0 per cent in the last quarter," he said in a statement today.

Out of all respondents across sectors, 48.2 per cent of the respondents predict their gross revenue to surge, while 14.6 per cent of the respondents anticipate their gross revenue to decline. The difference has led to a net balance of +33.5 per cent. Concurrently, 37.2 per cent of the respondents expect their gross revenue remain unchanged. Looking at the employment trend, a net balance of +5.1 per cent registered for fourth quarter 2021, escalated from -6.5 per cent in the previous quarter. The net balance is driven by 15.9 per cent of the establishments plan to hire more workers, while 10.9 per cent of the establishments foresee reduction of their workers.

Referring to business outlook for six months ahead, the confidence in Industry, Wholesale & Retail Trade and Services sectors boost the overall net balance to record +24.1 per cent for the period of October 2021 until March 2022 as compared to -21.7 per cent recorded previously. Industry sector predicts strong business conditions with a net balance of +24.5 per cent for the same period as against -11.8 per cent recorded for the period of July to December 2021. Notably, Wholesale & Retail Trade sector is optimistic towards their business situation for the forthcoming six months with a surge of net balance at +35.1 per cent from -59.7 per cent recorded previously. In particular, Wholesale Trade and Retail Trade subsectors rebound to positive trajectory. Simultaneously, Services sector anticipates positive business insights with +24.3 per cent for the next six months as against -14.2 per cent. It is mainly reflected by all subsectors of the Services sector which registered positive net balance except for Real Estate and Information and Communication Technology subsectors. In contrast, the Construction sector remains in the pessimist zone with a better net balance of -18.4 per cent.

Thank you and highest appreciation to all Malaysians residents, including

non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. For those who have not yet had the opportunity to fill out the census questionnaire, please contact DOSM at 1-800-88-7720 for further information. The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:


**OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**26 NOVEMBER 2021**

## Appendix

**Chart 1: Quarterly confidence indicator, Malaysia, 2018 - 2021**



**Chart 2: Net balance of business performance expectation for Upcoming six months by sector, Malaysia, 2018 – 2021**

